

10 MAR 2003

Syed Hamid-Iraq/I

M'SIA HARAP ENAM ANGGOTA NAM DALAM MAJLIS KESELAMATAN PBB UNDI BANTAH PERANG

KUALA LUMPUR, 10 Mac (Bernama) -- Malaysia berharap enam anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) akan menolak resolusi yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat (AS), Britain dan Sepanyol yang akan mewujudkan suasana bagi serangan ketenteraan ke atas Iraq.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata enam negara itu - Angola, Cameroon, Chile, Guinea, Pakistan dan Syria - yang juga merupakan negara anggota Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) akan menyokong pendirian yang diambil oleh Perancis, Jerman dan Russia yang membantah perang di Iraq.

"Kita berharap anggota NAM yang merupakan anggota tidak tetap Majlis Keselamatan akan membuat keputusan berdasarkan prinsip dan menurut resolusi NAM (Sidang Kemuncak di Kuala Lumpur) baru-baru ini yang membantah peperangan dan mahukan penyelesaian secara aman," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen selepas perasmian sesi kelima Parlimen Ke-10 oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, hari ini.

Syed Hamid berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kapasiti beliau sebagai Pengerusi NAM telah menulis surat kepada semua anggota Majlis Keselamatan menggesa mereka agar tidak hasrat Presiden George W. Bush untuk melancarkan perang ke atas Iraq.

"Perang tidak patut diletakkan di barisan depan, ia patut diletakkan di belakang. Kita patut cuba mencapai penyelesaian secara diplomatik dan politik," kata Syed Hamid.

Beliau berkata bantahan masyarakat dunia terhadap peperangan dan desakan mereka bagi proses multilateral telah tidak diendahkan oleh AS dan sekutunya.

Majlis Keselamatan PBB dijangka akan mengundi pada minggu ini bagi resolusi yang dicadangkan oleh Amerika Syarikat, Britain dan Sepanyol itu yang akan mewujudkan suasana bagi serangan ketenteraan ke atas Iraq dengan mengisytiharkannya sebagai tidak mematuhi tuntutan PBB bagi pelucutan senjata.

Iraq telah menafikan yang ia memiliki senjata pemusnah larangan.

Untuk mendapat kelulusan, resolusi itu perlu mendapat sembilan undi yang menyokongnya, dan menghalang veto oleh mana-mana anggota tetap -- China, Russia, Perancis, Britain dan Amerika Syarikat.

Washington telah menyatakan dengan jelas bahawa ia tidak memerlukan restu PBB untuk melancarkan perang ke atas Iraq dan tidak sabar menunggu sehingga 17 Mac untuk mengambil tindakan sekiranya resolusi itu ditolak.

Mengenai Perdana Menteri Britain Tony Blair yang menghadapi bantahan di tanah air sendiri dengan ancaman pertama peletakan jawatan menteri-menteri berhubung sokongan penuh beliau terhadap AS, Syed Hamid berkata ia menunjukkan bahawa rakyatnya sendiri membantah peperangan.

"Kita perlu ada prinsip tetapi amat menyedihkan kerana AS dan Britain begitu berazam untuk berperang," katanya.

Syed Hamid berharap Parlimen Malaysia juga akan turut mengambil perhatian dengan apa yang dilakukan oleh negara-negara lain dalam mengutuk peperangan.

-- BERNAMA

HS HS RHM